



Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv



ANGGOTA bomba dan penyelamat tiba dengan membawa bot ke lokasi banjir.

Rudy Syareme Sheriffudin dan Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

"Saya tidak sempat menyelamatkan barang kerana air naik sangat cepat," kata Norsyuzila Othman, 32, selepas rumah mereka dilanda banjir akibat hujan lebat lebih lapan jam di Teluk Bahang, di sini, semalam.

Menurutnya, hujan lebat sejak malam kelmarin berlarutan tanpa henti sehingga petang, semalam menyebabkan kawasan Kampung Nelayan, di sini, dinaiki air.

Dia yang berkerja sebagai pembantu tadika terkejut selepas menerima panggilan dari adik perempuan, Shahidah Othman, 23, memberitahu air sudah

melimpah masuk ke dalam rumah sehingga paras paha.

"Saya tidak sempat menyelamatkan apa-apa barangan yang terletak di bahagian bawah rumah kerana air bercampur lumpur mula melimpah masuk memenuhi ruang tamu dan dapur.

"Saya juga bimbang akan keselamatan keluarga dan meminta ibu, Siti Zaleha Din, 65, yang uzur naik ke tingkat atas untuk menyelamatkan diri," katanya.

Menurutnya, dia bersyukur kerana Proton Wira yang diletak di luar rumah dapat dialihkan dengan bantuan orang ramai ke kawasan yang lebih tinggi.

Sementara itu, Komander Operasi Bomba dan Penyelamat Teluk Bahang, Penguasa Bomba Kanan II Asri Hussin berkata, banjir kilat agak teruk berlaku di kawasan Kampung Nelayan dan Kampung Teluk Awak.

Katanya, pihaknya menerima pang-

gilan kecemasan jam 2.31 petang dan sepasukan enam anggota bomba dari Balai Bomba Teluk Bahang bergegas ke lokasi kejadian dengan sebuah jentera.

Katanya, maklumat awal dan pemeriksaan mendapati kerja bantuan turut dilakukan anggota bomba dari Paya Terubong dengan kekuatan 18 anggota.

"Ketika di lokasi didapati terdapat lebih 20 rumah teres dan kampung bersebelahan ditenggelami air sedalam 0.6 meter yang dipercayai berpunca daripada hujan lebat dan air laut pasang."

"Kerja-kerja menyelamat dilakukan dan seorang warga emas dipindahkan ke kawasan selamat selepas rumahnya dinaiki air.

"Operasi pemantauan masih dilakukan dengan bantuan anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi lain," katanya.

CURAHAN HUJAN 8 JAM

Air banjir kilat melimpah masuk ke dalam rumah sehingga paras paha dalam sekelip mata

